



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP
Secretary General
Ministry of Domestic Trade and Cost Of Living
Aras 11 (Menara), No. 13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603 8882 5555/5553
Faks: 603 8882 5566
Laman Web: www.kpdn.gov.my
E-mel: ksu@kpdn.gov.my

Ruj. Kami : KPDN.600-14/1/1 Jld. 5 (2)

Tarikh : 5 Februari 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PEMAKLUMAN BERHUBUNG SYARAT BAHARU PENGIMPORAN GULA PUTIH BERTAPIS TERMASUK GULA BERTAPIS YANG DINAMAKAN SEBAGAI GULA KRISTAL DAN GULA PUTIH

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan semakan semula terhadap prosedur dan syarat pengimportan bagi gula. Langkah ini diambil bagi memastikan bekalan gula dalam negara mematuhi piawaian keselamatan makanan di bawah Akta Makanan 1983 serta memperkukuh kawalan selia barang kawalan negara.

3. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa terdapat ketetapan baharu yang perlu dipatuhi oleh semua syarikat yang ingin mengimport gula putih bertapis termasuk gula bertapis yang dinamakan gula putih atau gula kristal serta apa-apa nama dengan variasi nama tersebut (seperti gula putih, gula bertapis, *white sugar*, *white refined*, *refined sugar*, gula putih kasar, gula putih halus, gula kristal, gula putih kristal, gula kristal putih, *crystal sugar*, *crystal white sugar* dan *white crystal sugar*):

- (a) hendaklah mempunyai kandungan sukrosa sekurang-kurangnya 99.5% selaras dengan keperluan pematuhan kepada Akta Makanan 1983, Peraturan 118, Peraturan-Peraturan Makanan 1985;



- (b) permohonan permit import perlu disertakan bersama sijil analisa (*Certificate of Analysis* - COA) daripada pengeluar atau makmal bertauliah. Sekiranya COA tersebut tidak menyatakan tempoh sah laku, maka syarikat perlu mengemukakan COA dengan tarikh yang tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh permohonan permit import dikemukakan. Sebagai contoh, sekiranya permohonan dikemukakan pada 1 Mei 2026, tarikh COA paling awal yang diterima adalah 1 Mei 2025. Sebarang COA yang bertarikh sebelum tempoh tersebut (Contoh: April 2025 atau sebelumnya) tidak akan diterima bagi tujuan pemprosesan permit import;
- (c) permohonan permit import perlu disertakan surat pengesahan kod tarif yang baharu daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Surat pengesahan tersebut mestilah bertarikh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh permohonan;
- (d) permohonan permit import perlu melalui dua (2) peringkat permohonan iaitu permohonan secara bertulis melalui surat kepada KPDN Putrajaya untuk kelulusan kuota *approved permit* (AP) dan seterusnya permohonan permit secara atas talian melalui sistem ePermit; dan
- (e) bagi tempoh interim, iaitu dari tarikh surat ini sehingga 14 April 2026, permohonan permit import baharu bagi gula kristal dan gula putih hanya akan diproses setelah syarikat mengisytiharkan kepada KPDN baki stok semasa serta membuktikan keseluruhan kuota terdahulu telah dibawa masuk sepenuhnya. Bagi pemohon baharu, pertimbangan hanya diberikan untuk permohonan pertama, manakala permohonan seterusnya tertakluk kepada syarat pengisytiharan baki kepada KPDN dan pembuktian kemasukan kelulusan sebelumnya.

4. Pihak syarikat dimohon untuk mengambil maklum dan membuat persediaan awal bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat baharu ini demi kelancaran operasi di masa hadapan.

Perhatian dan kerjasama syarikat tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SERI MOHD SAYUTHI BIN BAKAR)

Pengawal Bekalan